




MUZIAM & GALERI TUANKU FAUZIAH



مجلس فماشوران موزيوم دان كلاري توانكو فوزيه  
MAJLIS PEMASYHURAN MUZIUM & GALERI TUANKU FAUZIAH  
THE INAUGURATION OF MUZIUM & GALERI TUANKU FAUZIAH

© 2007 Muzium & Galeri Tuanku Fauziah, Universiti Sains Malaysia

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian dalam penerbitan ini yang boleh disalin-semula atau dicetak dalam apa jua bentuk samada elektronik atau mekanikal, termasuk fotokopi, rakaman atau apa pun sistem penyimpanan dan akses maklumat, tanpa kebenaran bertulis dari penerbit.

Buku ini menghidangkan latar ringkas Majlis Pemasyhuran Muzium & Galeri Tuanku Fauziah (MGTF) dan usaha menyuburkannya sebagai sebuah oasis khazanah warisan seni dan sains di USM.

*All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical, including photocopy, recording or any information storage and retrieval system, without the prior permission in writing from the publisher.*

ISBN 978-983-3986-00-2

*This book features a brief background on the Inauguration of the Muzium & Galeri Tuanku Fauziah, and the efforts of nurturing it as an oasis of artistic and scientific heritage in USM.*

Managing Editor : Hasnul J Saidon  
Editors : Masrah Abidin, Rafizah Abdul Rahman  
Graphic Designers : F Syahnaz Mokhter, Suzana Bujal

Menjunjung Kasih :  
DYMM Tuanku Tengku Fauziah Binti Almarhum Tengku Abdul Rashid,  
Canselor Ketiga Universiti Sains Malaysia **ms.6-9**

Perutusan Naib Canselor Universiti Sains Malaysia **ms.10-13**

Sejarah **ms.14-15**

Visi & Misi **ms.16-17**

Peranan & Perkhidmatan **ms.18-19**

Penyelidikan **ms.20-21**

Muzium & Galeri Dalam Taman Budaya **ms.22**

Logo Muzium & Galeri Tuanku Fauziah **ms.23**

Naik-taraf Infrastruktur Fizikal **ms.24-25**

Dari 'Lombong Bijih' ke 'Sinar Suria' –  
Penerbitan Buku Karya-karya Pilihan dari Koleksi Seni Halus USM **ms.26-27**

Pembangunan Sistem Maklumat e-Seni **ms.28-29**

Program Pembangunan Pengunjung **ms.30-31**

Dermawan & Budiman Untuk Koleksi Seni Halus USM **ms.32-33**

Di belakang Tabir - Ahli Jawatankuasa **ms.34-35**

Penghargaan **ms.36-37**



**DYMM Tuanku Tengku Fauziah Binti Almarhum Tengku Abdul Rashid**  
D.K., S.S.P.J., S.P.M.P., D.M.N., D.K (Kelantan)  
*Grand Croix De L'Orde (Royal Sash) – Cambodia*  
*The Order of the Sacred Treasure, Gold & Silver Star (Japan)*  
*Hon. PhD (USM)*  
**Canselor Keliga Universiti Sains Malaysia (2002 - 2006)**

# Menjunjung Kasih



DYMM Tuanku Tengku Fauziah Binti Almarhum Tengku Abdul Rashid yang merupakan ahli kerabat Diraja Kelantan dan Terengganu, dilahirkan pada 6 Jun 1946. Baginda menerima pendidikan di Zainab English School, Kota Bharu, Kelantan sehingga tahun 1963. Semasa dibangku sekolah, Baginda bergiat aktif dalam bidang sukan, terutama sukan tenis. Sebagai seorang pencinta seni, Baginda juga sering mengambil bahagian dalam seni pementasan, tarian, dan hiasan dalaman.

Pada tahun 1963 ketika berusia 17 tahun, Baginda telah ditunangkan dengan DYMM Tuanku Syed Sirajuddin ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail. Ketika itu, Baginda Tuanku Syed Sirajuddin masih menuntut di England. Sejak itu, Baginda Tuanku Tengku Fauziah mula berdamping mesra dengan Almarhum DYMM Raja Perlis ketika itu, Tuanku Syed Putra Jamalullail dan DYMM Raja Perempuan Perlis, Tuanku Budriah binti Almarhum Tengku Ismail.

Baginda melangsungkan perkahwinan dengan Baginda Tuanku Syed Sirajuddin pada 15 Februari 1967. Pada 30 Disember 1967, Baginda melahirkan Putera sulung, Syed Faizuddin Putra. Enam tahun kemudian Baginda melahirkan seorang Puteri, Sharifah Fazira pada 5 Jun, 1973. Pada 30 April 1968 yang merupakan Hari Ulangtahun Keputeraan Almarhum DYMM Tuanku Raja Perlis, Baginda Tuanku Tengku Fauziah telah ditabalkan gelaran Duli Yang Teramat Mulia Raja Puan Muda Perlis.

Dari segi khidmat kesukarelaan, Baginda pernah dipilih sebagai Pengelola 'Rayuan Binaan Wisma Pahlawan Negeri Perlis' pada 1 April, 1970. Baginda juga sering mencemar duli untuk melibatkan diri dalam pelbagai persatuan dan pertubuhan di negeri Perlis. Antaranya adalah sebagai Yang Di-pertua Persatuan Pandu Puteri Negeri Perlis, Naib Yang Di-pertua Taman Asuhan Darulfarah Tengku Hajjah Budriah Perlis dan sebagai Pengerusi Lembaga Kebajikan Perempuan Islam Perlis. Kini Baginda adalah Penaung Persatuan Pandu Puteri Malaysia.

Baginda Tuanku Tengku Fauziah telah ditabalkan gelaran Raja Perempuan Perlis pada 14 Julai 2000 dan kemudiannya sebagai Raja Permaisuri Agong apabila DYMM Tuanku Syed Sirajuddin menaiki takhta sebagai DYMM Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong pada 13 Disember 2001.

Pada 2 Mei 2002, Baginda telah dimasyhurkan sebagai Canselor Ketiga Universiti Sains Malaysia (USM) dalam suatu upacara khas di Dewan Tuanku Syed Putra USM.

Semenjak perlantikan sebagai Canselor, Baginda telah banyak menghadiri upacara-upacara rasmi di USM samada di dalam atau di luar kampus, termasuklah Majlis Konvokesyen, Malam Sanggar Sanjung, dan beberapa upacara rasmi yang lain. Kesudian Baginda mencemar duli bagi merasmikan beberapa pameran seni dan budaya di sekitar kampus menjadikan Baginda begitu sinonim dengan usaha memperkasakan kesenian, kebudayaan dan warisan di USM. Keramahan dan sifat keibuan yang begitu menonjol telah menjadikan Baginda lambang kemurnian dan kehalusan nilai-nilai seni dan budaya Timur yang sentiasa dijunjung tinggi. Atas dasar inilah maka nama Baginda telah dipilih sebagai lambang baru untuk Muzium & Galeri Seni USM yang bakal dimasyhurkan. Persis sekuntum bunga dan seorang ibu, Muzium & Galeri Tuanku Fauziah (MGTF) diharap akan menyebarkan keharumannya ke serata dunia dan menjadi oasis penyuburan jiwa yang dahagakan ilmu dan hikmah.

Bersempena terlakarnya nama Baginda Tuanku, seluruh warga USM merafak sembah dan menjunjung kasih atas segala limpah kurnia dan bakti yang telah Tuanku berikan kepada USM khususnya dan Negara amnya sepanjang tempoh menjadi Canselor USM terhormat yang ketiga.

# P erutusan Naib Canselor USM

## MENYEGARKAN-SEMULA PUSAKA SENI DAN SAINS DI USM


Dengan Nama Allah Yang Maha Pengampun dan Maha Penyayang.

Kita adalah penghuni masa kini yang mewarisi dari masa lampau dan memegang amanah bagi generasi masa depan.

Malaysia adalah sebuah Negara bertuah yang dianugerahkan dengan kemewahan warisan merentas-budaya. Warisan ini juga boleh dilihat secara kolektif sebagai lambang pusaka seni dan sains Asia Tenggara. Ia sewajarnya dihayati sebagai suatu ramuan unik hasil percampuran pelbagai tradisi sepertimana yang telah dizahirkan menerusi pelbagai bentuk penghasilan artistiknya. Kita adalah pewaris khazanah artistik yang tidak ternilai dan mengandungi mutiara-mutiara budi yang sangat halus. Warisan ini telah menjadi pusaka yang diperturunkan kepada kita oleh para seniman bistari masa lampau. Ia hadir dalam pelbagai bentuk, dari rumah tradisional, tekstil, seramik, seni logam, hinggalah ke peralatan muzik, seni persembahan, ukiran kayu, keris dan banyak lagi. Adalah amat penting untuk setiap khazanah artistik ini dihayati juga sebagai penzahiran minda yang berfikir secara saintifik dan teknologikal. Simbiosis antara seni dan sains yang telah lama wujud dalam warisan budaya kita sendiri mencerminkan hasil usaha melestarikan otak-minda, jasad dan jiwa.

Malangnya, segelintir dari kita mungkin lebih terbiasa menganggap khazanah tradisi kita sebagai 'artifak pra-kolonial' yang sering ditakdirkan menjadi bahan tontonan di belakang kotak kaca muzium yang pasif. Dalam beberapa keadaan, khazanah ini adakalanya dibaca sebagai primitif, mati, beku dan kuno, justeru tidak relevan dalam mendepani tuntutan abad ke 21. Pembacaan yang sama juga diberikan terhadap muzium sebagai institusi tajaan kerajaan. Sekali-sekala, muzium dilabelkan sebagai tempat terasing untuk memuatkan artifak-artifak yang mati. Walaupun dalam beberapa kes, pihak muzium mungkin boleh disalahkan atas pembacaan sebegini, label itu sendiri tidak kena pada tempatnya dan sengaja diubah.

Bertentangan dengan tanggapan yang bersifat cemuhan di atas, khazanah budaya kita yang lampau seharusnya dihayati dan dipersembahkan sebagai penanda penting kepelbagaian pusaka seni dan sains yang sangat berharga. Teras kepada pusaka ini adalah pendekatan holistik terhadap usaha 'merekacipta gaya hidup yang lestari' berasaskan paradigma yang bersifat multidimensi dan rentas-bidang. Proses dayacipta dalam kerangka paradigma ini telah dibudayakan sebagai simbiosis holistik antara seni dan sains ke arah kesatuan spiritual dan kesejahteraan jiwa. Ia merupakan suatu bentuk ekspresi aturan simbolik yang halus, suatu kosmologi yang berasaskan sumber tradisi dan spiritual, suatu pencantuman antara rasionalisme intelek dengan hikmah seni. Dayacipta perlu dihayati sebagai suatu sintesis antara teknologi tinggi dengan sentuhan kemanusiaan, antara bentuk, makna dan fungsi dalam mencari kebenaran. Dayacipta juga adalah proses melestarikan getaran-getaran minda, jasad dan jiwa, antara manusia dengan dirinya sendiri, dengan makhluk lain, dengan alam dan yang terpenting dengan Penciptanya yang Maha Mengetahui.



Apa yang menarik, beberapa ciri penting paradigma ini seperti adaptasi dan modulariti, tidak sejajar dan kitaran, pelbagai pusat dan serentak, saling-berkait dan saling-bergantungan, multi-disiplin dan keseimbangan, boleh ditemui dalam banyak bentuk penyelesaian rekabentuk kontemporari dan hasil teknologi terkini. Oleh itu, adalah lebih wajar disarankan bahawa contoh-contoh simbiosis antara seni dan sains mungkin lebih berkesan jika disingkap dari sumber warisan budaya kita sendiri. Ide berkenaan pembangunan lestari telahpun ditanam dalam warisan benda dan juga nilai-nilai budi halus yang kita miliki turun temurun secara lestari.

Untuk lebih adil dan jauh dari bersikap jumud, bentuk-bentuk modenisme Barat tidak pula ditolak sepenuhnya. Malah, sejarah awal seni moden di Malaysia atau Malaya mahupun Borneo, hatta Nusantara sekalipun, telah ditandai oleh usaha para seniman kita yang terdahulu untuk menempa suatu gabungan antara tradisi serta nilai-nilai Barat dengan Timur. Bentuk-bentuk seni moden yang awal di Malaysia menyediakan banyak bukti terhadap gabungan tersebut dalam pelbagai kaedah. Secara tidak langsung, para seniman ini telah secara sekelompok menghasilkan bentuk-bentuk seni moden Asia Tenggara yang unik dan tersendiri. Maka, adalah wajar bagi kita memberikan pengiktirafan kepada usaha mereka ini.

Apa yang lebih penting lagi adalah hakikat bahawa beberapa objek warisan yang sangat bernilai ini, samada yang bersifat tradisional atau moden, boleh ditemui di 'belakang rumah' USM sendiri.

Sepanjang 25 tahun yang lalu, objek-objek ini telah menjadi penghuni sepi sebuah bangunan kolonial gagah yang sesekali kelihatan agak terpinggir dan terlindung – Muzium & Galeri Seni USM. Bangunan ini merumahkan khazanah pusaka warisan yang bersedia untuk disegarkan semula, dilestarikan dan diberi penghormatan yang sewajarnya.

Dalam hali ini, kita seharusnya berterima kasih dan memberi penghormatan kepada **Almarhum Tan Sri Prof. Hamzah Sendut**, Naib Canselor USM yang pertama, atas pandangannya yang jauh ke depan. Wawasan beliau telah menjadikan USM diakui sebagai universiti awam pertama yang berani memperkenalkan secara formal kursus-kursus dalam bidang seni halus, lakonan dan pengarah dalam sebuah universiti berorientasikan sains. Kewujudan kursus-kursus ini telah menjadi batu loncatan kepada ide awal menubuhkan sebuah muzium di dalam kampus. Pembentukan Jawatankuasa pertama untuk projek Muzium USM pada tahun 1972 yang diketuai oleh Pemangku Pengerusinya **Edward Lim Huck Tee**, yang ketika itu Ketua Pustakawan USM, menjadi penanda kepada usaha awal penubuhan Muzium USM. Ahli-ahli jawatankuasa berdedikasi yang terdiri dari **Robert Van Neil, Paul Chang, A. Thomas Samy, K.J. Rainam, T.K. Sabapathy, Benedict Sandin, Stephen Murphy** dan **Sharom Ahmat** mula mengorak langkah dalam menyelidiki, mencari, membeli, mengumpul, mendokumen and memaparkan warisan budaya Malaysia. Usaha ini seterusnya digerakkan lagi oleh Naib Canselor USM yang kedua, **Almarhum Tun Hamdan Sheikh Tahir**.



Perlantikan kurator pertama **Wan Zakaria Wan Ismail** pada tahun 1981 dan pembukaan rasmi Muzium & Galeri USM pada tahun 1982, telah melengkap dan meningkatkan lagi pembangunan Muzium USM. Beliau bertanggungjawab membina himpunan koleksi sedia ada kearah sebuah Muzium dan Galeri yang kita kenali hingga kini. Sumbangan dan kegigihan beliau diteruskan oleh kurator-kurator seterusnya, **Adnan Mat** dan **Zolkurnian Hassan**.

Untuk lima belas tahun yang pertama pembangunan Muzium & Galeri ini, dan dengan bantuan beberapa orang pensyarah di Pusat Seni ketika itu seperti **Redza Piyadasa**, **Chew Teng Beng**, **Lim Eng Hooi**, **Robert Crock**, **Ismail Hashim**, **Zakaria Ali**, **Ghouse Nassuruddin** dan **Gulam Sarwar**, Muzium USM mula berkembang menjadi sebuah pusat pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan seni moden dan seni persembahan tradisi. Muzium & Galeri USM juga menerima sumbangan dan pinjaman karya serta artifak dari beberapa individu yang bermurah-hati seperti keluarga **Almarhum Tun Dr. Ismail**, **Tan Sri Dato' Hanafiah Hussain**, **Dato' Dr. Tan Chin Kuan**, **Nirmala Shanmughalingam**, **Dr. Chew Teng Beng**, **Lim Eng Hooi** dan ramai lagi. Sumbangan dan pinjaman sehingga kini menjadi satu kaedah perolehan utama yang dapat memperkayakan lagi koleksi sedia ada.

Oleh itu, pemasyhuran nama baru Muzium & Galeri USM sebagai Muzium & Galeri Tuanku Fauziah (MGTF) mengandungi makna yang lebih dari sekadar penukaran nama. Ia membawa tiga pengertian penting. Pertama, ia boleh dilihat sebagai tanda menjunjung kasih kepada DYMM Tuanku Tengku Fauziah Binti Almarhum Tengku Abdul Rashid atas limpah kurnia dan bakfi Baginda sepanjang menjadi Canselor ketiga USM. Kedua, pemasyhuran ini juga merupakan suatu penghormatan terhadap sumbangan inovatif para perintis yang disebut di atas. Ketiganya, ia merupakan suatu penanda terhadap inisiatif-inisiatif terkini pihak Muzium & Galeri Tuanku Fauziah dalam menyuburkan semula pusaka warisan kreatifnya, sekaligus menjalin erat gabungan sains-teknologi dengan seni-budaya dalam konteks kelestarian ilmu sebagai keunikan sebuah universiti unggul di Malaysia. Seiring itu, majlis ini juga adalah sebahagian dari usaha memperkukuhkan semula ciri unik Muzium & Galeri Tuanku Fauziah yang menggalakkan pembangunan dalam bidang seni dan sains secara lebih seimbang. Galakan sebegini boleh dikesan menerusi pemaparan pelbagai kesinambungan seni dan sains di dalamnya.

Sepanjang setahun yang lepas, USM telah berkerjasama dengan pakar-pakar dalam beberapa bidang kritikal untuk menaiktaraf beberapa bahagian fizikalnya, membangunkan sistem pangkalan data atas talian, laman web dan pangkalan lawatan maya. Muzium & Galeri ini juga sudah mula mengorak langkah ke arah penyelidikan dan membangunkan strategi penerbitannya sendiri. Untuk beberapa projek penting, Muzium & Galeri Tuanku Fauziah telah berkerjasama dengan beberapa individu, badan kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan, kedutaan negara asing, galeri dan institusi antarabangsa. Ia juga telah membentuk jaringan perkongsian maklumat dengan beberapa institusi dan galeri di negara-negara Asia Tenggara, juga Korea Selatan, Jepun dan China sebagai permulaan.

Majlis Pemasyhuran ini merupakan sebuah peristiwa penting dan penanda utama terhadap pendewasaan Muzium & Galeri Tuanku Fauziah dan penyesuaian dirinya dengan tuntutan abad ke 21.

Lebih dari sekadar 'menyolek', Muzium & Galeri ini masih meneruskan kerja-kerja naiktaraf dan penambah-baikkan yang meliputi peningkatan infrastruktur fizikal, pengurusan sumber dan koleksi, penyelidikan dan penerbitan, pembangunan jenama, pemantapan rangkaian kebangsaan, serantau dan antarabangsa, dan pengenalan program-program pembangunan pengunjung yang interaktif dan kreatif.

Serentak dengan ini, peranan asal Muzium & Galeri Tuanku Fauziah sebagai sebuah oasis yang menggalakkan pengalaman pengajaran dan pembelajaran yang kreatif, artistik, saintifik dan relevan dari segi budaya masih diteruskan. Malah, Muzium & Galeri ini merupakan salah satu dari pelantar penting untuk menemukan USM dengan masyarakat umum.

Apatah lagi baru-baru ini Muzium & Galeri Tuanku Fauziah diberi berbagai pengiktirafan. Dalam sebuah Ekspo Muzium-muzium SeMalaysia yang telah diadakan bersempena dengan Sambutan Hari Muzium Sedunia di Langkawi pada bulan Mei tahun lepas, Muzium & Galeri Tuanku Fauziah telah menerima hadiah sebagai gerai yang menerima pengunjung paling ramai – satu bentuk bukti terhadap komitmennya dalam membangunkan program-program yang mesra-pengunjung. Ini diperkukuhkan pula oleh kejayaan beberapa orang kakitangan Muzium & Galeri ini menggondol beberapa hadiah dan anugerah, termasuk Anugerah ACU (*Association of Commonwealth Universities*) 2006 untuk Perhubungan Awam, Pemasaran dan Promosi dalam kategori Rekabentuk Terbaik untuk Program Masyarakat. Pengiktirafan ini sejajar dengan peranan USM sebagai sebuah taman ilmu yang boleh dimanfaatkan oleh semua.

Akhir kata, saya bagi pihak USM merafak sembah menjunjung kasih kepada DYMM Tuanku Tengku Fauziah atas kesudian Tuanku berangkat mencemar duli untuk memasyhurkan nama baru Muzium & Galeri USM. Ini tambah bermakna lagi memandangkan tahun ini juga merupakan ulangtahun ke 25 Muzium & Galeri ini dibuka secara rasminya. Pemasyhuran ini juga bersempena dengan 50 tahun Negara menyambut kemerdekaannya.

Saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan berbilang terima kasih dan tahniah kepada kesemua ahli jawatankuasa dan pihak-pihak yang terlibat atas segala sumbangan dan usaha yang telah diberikan bagi memastikan kelancaran Majlis ini. Kepada semua individu, penderma dan penyumbang yang telah memberi sokongan padu terhadap aktiviti-aktiviti Muzium & Galeri Tuanku Fauziah, saya menghulurkan salam penghargaan. Muzium & Galeri ini juga amat bertuah kerana telah menerima sokongan dari pelbagai organisasi kerajaan dan bukan kerajaan dalam melaksanakan beberapa projeknya. Untuk ini, USM sangat terutang budi dan berbesar hati.

Semoga Allah Merahmati kita dan Menganugerahkan kita dengan Petunjuk terhadap segala urusan masa hadapan dalam membangunkan ilmu dan warisan seni.

**Prof. Dato' Dzulkifli Abdul Razak**  
Naib Canselor




## Sejarah

Usaha untuk menubuhkan sebuah muzium di USM disuarakan semenjak tertubuhnya Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan pada tahun 1971 dan Rancangan Seni Halus pada tahun 1972. Semenjak itu, pengumpulan karya seni halus dan koleksi berkaitan dengan seni dan kebudayaan bagi kepentingan pengajaran dan pembelajaran mula dilaksanakan oleh Jawatankuasa Bertindak yang dinaungi oleh Naib Canselor USM yang pertama, Almarhum Tan Sri Prof. Hamzah Sendut. Usaha ini seterusnya digerakkan oleh Naib Canselor USM yang kedua, Almarhum Tun Hamdan Sheikh Tahir. Hasilnya, sebilangan lukisan, hasil pertukangan perak, keris dan alat-alat muzik tradisional mula dikumpulkan kearah merealisasikan penubuhan Muzium & Galeri USM. Perlantikan T.K. Sabapathy sebagai Kurator Kehormat merupakan perkembangan positif kearah penubuhannya. Ini dilengkapi pula oleh perlantikan Kurator pertama Wan Zakaria Wan Ismail pada tahun 1981 yang bertanggungjawab membangunkan himpunan koleksi yang ada kearah sebuah Muzium & Galeri USM yang dikenali hingga kini.

Pada awalnya, kesemua koleksi yang telah dikumpulkan diletakkan dibawah pengurusan Perpustakaan USM. Usaha mengumpul koleksi untuk pengajaran terus dilaksanakan melalui pembelian secara pukal daripada galeri di Kuala Lumpur. Pada masa yang sama, Rancangan Seni Lakon juga bertindak mengumpul bahan-bahan seperti alat-alat muzik tradisional, pakaian, peralatan teater dan permainan rakyat untuk kegunaan pelajar USM.

Muzium & Galeri Seni USM telah dibuka secara rasminya pada Januari 21, 1982. Ia dimasyhurkan sebagai Muzium & Galeri Tuanku Fauziah pada March 19, 2007.

Sebelum ini, kawasan Muzium & Galeri Tuanku Fauziah USM serta kampus USM merupakan ladang milik seorang bangsawan Inggeris, Joseph T. Brown. Kediamannya yang terletak di puncak bukit telah menjadi inspirasi untuk sebuah lukisan oleh pelukis William Daniel pada tahun 1818. Kawasan ini kemudiannya diperuntukkan kepada tentera British dan dinamakan "Minden" sempena sebuah bandar di Jerman. Ia seterusnya diserahkan untuk kegunaan tentera Malaysia sebelum kemudiannya dijadikan kampus Universiti Pulau Pinang. Bangunan Muzium & Galeri Tuanku Fauziah asalnya dijadikan Perpustakaan Universiti yang pertama sehinggalah ia dirasmikan sebagai Muzium & Galeri Seni USM pada tahun 1982. Bangunan indah dan gagah ini menampilkan gaya neo-klasikal bertiang Doric.



## Visi & Misi

Menjadi sebuah muzium pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan yang terkenal di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, sejajar dengan usaha pembangunan bakat insaniah dan masyarakat lestari.

Untuk mencapai visi ini, Muzium & Galeri Tuanku Fauziah (MGTF) beriltizam untuk menyediakan ekosistem pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan bertunjangkan seni-budaya-sains yang sentiasa selari dengan cabaran semasa, tanpa mengorbankan akar warisan nilai dan akal budi kebangsaan.



## Peranan & Perkhidmatan

### PERANAN MUZIUM & GALERI TUANKU FAUZIAH

- Pengumpulan, pemeliharaan, pemuliharaan, pendokumentasian dan pendedahan khazanah serta warisan sains-teknologi dan seni-budaya Malaysia.
- Penyediaan ruang pengajaran dan pembelajaran lestari untuk para pelajar USM, IPT, maktab, sekolah dan masyarakat umum.
- Penyediaan ruang penyelidikan untuk pelbagai bidang sains-teknologi dan seni-budaya.
- Perancangan dan penganjuran program-program yang prolifik dan bermanfaat untuk pengunjung serta masyarakat umum.

### PERKHIDMATAN MUZIUM & GALERI TUANKU FAUZIAH

- Bantuan kuratorial, penulisan, penerbitan, penganjuran, pengurusan dan pemasangan pameran.
- Bantuan penyelidikan terutama sekali berkait dengan koleksi tetap USM.
- Sewaan ruang pameran, karya, artifak dan peralatan pemuziuman.
- Bantuan khidmat konservasi dan restorasi.
- Bantuan perundingan koleksi warisan peribadi.
- Bantuan perundingan projek-projek seni dan budaya.

Sepanjang dua tahun yang lepas, USM telah menerima lebih banyak permintaan untuk kerja-kerja perundingan, khidmat nasihat dan perkhidmatan lain dari pelbagai sekolah, organisasi, institusi swasta dan agensi luar. Antaranya termasuklah tugas kuratorial, penyelidikan dan esei kuratorial, penerbitan, ceramah dan pembentangan kertas kerja di dalam dan luar negara, perlantikan sebagai juri untuk pertandingan seni, penganjuran kem remaja dan bengkel seni, lawatan berpandu, program astronomi, rekabentuk pameran dan grafik, program residensi, dan sewaan karya, peralatan serta ruang. Permintaan ini secara tidak langsung mencerminkan keyakinan dan pengiktirafan pihak-pihak luar terhadap kualiti perkhidmatan, kepakaran serta pengalaman yang dimiliki oleh Muzium & Galeri Tuanku Fauziah.



## Penyelidikan

Sejak penubuhannya, Muzium & Galeri Tuanku Fauziah telah menjadi lokasi penyelidikan tentang seni bina kolonial, seni moden Malaysia dan seni persembahan traditional Malaysia untuk para pelajar, ahli akademik dan penyelidik dari dalam dan luar negara. Antaranya termasuklah Julie Ewington dari Queensland Art Gallery Australia, Joyce Fan & Seng Yu Jin dari Singapore Art Museum, Nicole Tse dari The Center for Cultural Materials Conservation The University of Melbourne, Australia dan Ushiroshoji Masahiro dari Kyushu University Jepun. Muzium & Galeri Tuanku Fauziah kini sedang menjalankan penyelidikan dalam beberapa bidang meliputi seni media di Malaysia, amalan seni kontemporari dan penyelidikan aksi tentang program pembangunan pengunjung dan projek-projek berasaskan masyarakat.

## Muzium & Galeri dalam Taman Budaya

Muzium & Galeri Tuanku Fauziah USM merupakan antara muzium terawal seumpamanya dibuka di sebuah universiti tempatan. Ia juga merupakan sebuah muzium yang menggabungkan kedua-dua bidang sains-teknologi dan seni-budaya di bawah satu bumbung. Keseluruhan konsep Muzium & Galeri Seni ini menekankan imbangan antara akar warisan seni dengan seni moden dan kontemporari, sejarah sains dan teknologi serta cabaran pembangunan lestari untuk masa depan. Muzium & Galeri Tuanku Fauziah USM dikenali sebagai antara muzium yang memiliki khazanah serta warisan seni rupa moden Malaysia yang terpenting dan sangat berharga. Ia merumahkan beberapa karya penting oleh para pelukis perintis seni rupa moden Malaysia seperti Hossein Enas, Syed Ahmad Jamal, Chuah Thean Teng, Latiff Mohidin, Ibrahim Hussein, Dzulkifli Buyong, Zulkifli Dahlan, dan ramai lagi. Karya-karya kontemporari oleh para pelukis muda Malaysia seperti Nurhanim Khairuddin, Sabri Idrus, Batu Utomo Radjikin, Raja Shahrman dan Ahmad Fuad Osman melengkapkan koleksi karya-karya perintis ini. Koleksi ini diimbangi pula pameran-pameran sementara seni rupa kontemporari serta pameran sains dan teknologi yang interaktif dan menarik. Muzium & Galeri Tuanku Fauziah USM juga menghimpunkan pelbagai koleksi artifak budaya terutama sekali yang berkaitan dengan bentuk-bentuk seni persembahan tradisional seperti Mak Yong, Gamelan dan Wayang Kulit. Koleksi ini terus bernafas dan dimasyarakatkan menerusi pelbagai aktiviti interaktif dalam bentuk bengkel, demonstrasi, persembahan, kursus elektif, dan syarahan. Muzium & Galeri Tuanku Fauziah USM adalah ahli International Council of Museum (ICOM), Persatuan Muzium SeMalaysia dan Association of Tourist Attractions in Penang (ATAP).

Tersergam indah di tepian Bukit Minden sambil dihiasi pemandangan laut serta Jambatan Pulau Pinang, Muzium & Galeri Tuanku Fauziah USM menyediakan pengalaman kunjungan yang sangat bernilai untuk pengunjung dari seluruh pelusuk dunia.

## Logo Muzium & Galeri Tuanku Fauziah USM

Logo Muzium & Galeri Tuanku Fauziah USM dicipta berasaskan gabungan konsep kesinambungan 'warisan seni dan sains untuk pembangunan lestari'. Konsep ini diterjemahkan menerusi sepaduan dua motif utama:

[1] Motif ukiran kayu warisan Melayu

[2] Struktur heliks berganda DNA

Sepaduan kedua-dua motif di atas merujuk kepada simbiosis antara seni dengan sains, dan antara tradisi dengan realiti masa kini. Struktur heliks melambangkan 'blue print' untuk kehidupan dari sudut saintifik, manakala motif ukiran melambangkan falsafah kehidupan bersifat mesra-alam yang berakar-umbi dari nilai budaya tempatan. Rekabentuk ukiran kayu Melayu melambangkan pembacaan terhadap fitrah alam yang tumbuh berpunca dari benih kasih. Benih kemudiannya melahirkan lingkaran pohon yang mengeluarkan pucuk baru sebelum tunduk melentuk semula ke bumi. Pertumbuhan ini serentak menjadi bahan dan sumber inspirasi kepada sains dan teknologi, dua ikatan yang tidak dapat dipisahkan.

Kedua-dua motif di atas juga telah direkabentuk untuk dibaca sebagai gabungan abstrak dua huruf roman dan jawi – M dan 'fa' (ڤا) yang merujuk kepada perkataan 'Muzium' dan 'Fauziah.'

Warna jingga yang diambil dari warna pada logo rasmi USM melambangkan semangat dan kemesraan.



## Naik-taraf Infrastruktur Fizikal

Sebagai sebahagian dari usaha meningkatkan kualiti pengurusan dan perkhidmatan Muzium & Galeri Tuanku Fauziah, beberapa bentuk penambahbaikan infrastruktur fizikal telah dilaksanakan sepanjang tahun 2006. Usaha ini bertujuan untuk menonjolkan kualiti yang terbaik sebagai mercu-tanda Muzium & Galeri Tuanku Fauziah. Antaranya termasuklah:

### Galeri Seni Halus


Koleksi Seni Halus USM merupakan antara koleksi seni moden Malaysia yang terbaik di Asia Tenggara. Atas dasar ini, Muzium & Galeri Tuanku Fauziah telah mengambil inisiatif untuk membangunkan ruang pameran yang lebih profesional dan bertanda-aras antarabangsa untuk mempamerkan khazanah warisan seni moden Negara ini.

Galeri ini terletak di ruang berdinging tinggi di sisi kiri bangunan Muzium & Galeri Tuanku Fauziah yang telah diubahsuai untuk dijadikan Galeri Seni Halus yang baru. Ruang ini dilengkapi sistem pencahayaan dan dinding mudah-alih yang dapat meningkatkan lagi kualiti kerja-kerja pemasangan dan rekabentuk pameran ke tahap yang lebih profesional.

Ruang Galeri ini juga dibuka untuk tempahan pameran profesional dari pihak luar.

### Bilik Sumber

Sejajar dengan peranannya sebagai pusat pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan, Muzium & Galeri Tuanku Fauziah telah membangunkan Bilik Sumber yang terletak secara strategik di anjung depannya. Bilik berdinging kaca ini disimbah pencahayaan semulajadi matahari pagi dan mengadap laman arca yang dapat menjemput suasana segar. Sumber-sumber dalam bentuk buku, majalah, buletin, jurnal, laporan, katalog, bahan-bahan grafik dan bahan-bahan bercetak lain boleh dirujuk oleh pengunjung secara percuma. Bilik ini juga dilengkapi peralatan dan perkakasan audio-video serta komputer dan mesin cetak.



### Laman Arca

Pembangunan Laman Arca merupakan sebuah projek unik yang menggunakan pendekatan seni instalasi di ruang awam. Berkonsepkan 'muzium dan galeri dalam taman budaya', Laman Arca menjadi ruang penghayatan seni, bersantai, bermain (permainan tradisional), dan berkelah untuk para pengunjung. Laman Arca direkabentuk oleh Tengku Azhari Tengku Azizan, pensyarah di Pusat Pengajian Seni USM.

### Bahagian Koleksi Foto Terpilih DYMM Tuanku Tengku Fauziah

Bahagian ini memuatkan koleksi foto pilihan yang merakamkan limpah kurnia, penglibatan dan aktiviti DYMM Tuanku Tengku Fauziah sepanjang menjadi Canselor Ketiga USM. Koleksi ini adalah tanda kenangan dan menjunjung kasih USM terhadap DYMM Tuanku Tengku Fauziah.

Selain dari empat bentuk penambah-baik infrastruktur fizikal di atas, Muzium & Galeri Tuanku Fauziah juga telah mengambil beberapa inisiatif terbaru untuk membangunkan ruang-ruang berikut dalam usaha mempertingkatkan kualiti perkhidmatan dan pengurusan koleksinya. Antaranya termasuklah:

- Bilik & Galeri Kenamaan
- Galeri Warisan Tradisional
- Galeri Seni Islam
- Ruang Rehat Pengunjung dan Kedai Cenderamata
- Ruang Storan, Pemeliharaan dan Pemuliharaan
- Bilik Solat


Kerja-kerja penambahbaikan fizikal dan perundangan rekabentuk telah diselia oleh Jabatan Pembangunan dengan kerjasama Pusat Pengajian Seni USM.



## Dari 'Lombong Bijih' ke 'Sinar Suria'

**PENERBITAN BUKU KARYA-KARYA PILIHAN DARI KOLEKSI SENI HALUS USM**

Bersempena Majlis Pemasyhuran, Muzium & Galeri Tuanku Fauziah akan menerbitkan buku sulung yang memuatkan himpunan karya pilihan dari Koleksi Seni Halusnya. Buku ini dikarang oleh Zakaria Ali. Ia mengandungi apresiasi hasil-hasil karya pilihan beberapa pelukis tersohor Malaysia. Buku ini juga akan menjadi penanda penting terhadap usaha Muzium dan Galeri ini membudayakan kerja-kerja penyelidikan dan penerbitan berkenaan dengan koleksinya.



## Pembangunan Sistem Maklumat e-Seni

Dalam mendepani tuntutan abad ke-21, Muzium & Galeri Tuanku Fauziah telah membangunkan pangkalan data digital yang boleh diakses secara atas talian. Projek ini telah dilaksanakan oleh tiga orang penuntut tahun akhir dari Pusat Pengajian Sains Komputer dibawah penyeliaan Muhammad Rafie Hj. Mohd Arshad dan Rosnah Idrus.

Pangkalan data ini dilengkapi juga dengan sebuah laman web dan laman maya yang membolehkan pengguna dari serata dunia melawat dan mengunjunginya menerusi internet. Pembangunan berasaskan ICT ini diharap akan melebarkan lagi status Muzium & Galeri Tuanku Fauziah, terutama sekali dari segi pengurusan dan penyelidikan data koleksinya. Laman web ini juga dilengkapi dengan buletin, kalendar aktiviti, komentar dan kajiselidik profil pengunjung, borang tempahan program dan borang keahlian Rakan Muzium & Galeri Tuanku Fauziah. Selain dari membantu Muzium dan Galeri ini menjangkau komuniti global dan menjadi lebih mudah didekati, pembangunan ini juga diharap dapat meningkatkan lagi kehadiran jenama dan rangkaian perhubungannya.

Laman web, lawatan maya dan pangkalan data Muzium & Galeri Tuanku Fauziah boleh dicapai di <http://www.mgff.usm.my>

Rekabentuk dan pembangunan projek oleh Nor Azman bin Abdul Aziz, Mohd Rosli bin Awang, Khuzairi bin Nazari. Konsep rekabentuk asal oleh Tan Siew Yan. Bantuan pemasangan dari Pusat Pengetahuan, Komunikasi dan Teknologi USM.



## Program Pembangunan Pengunjung

### DEMI MASA


"Demi Masa" adalah sebuah program pembangunan budaya USM yang tertumpu kepada penganjuran siri pameran dan persembahan. Program ini dilaksanakan bersama dengan Pusat Pengajian Seni dan Dewan Budaya USM. Siri pertama 00:00:00 telah dimulakan semenjak awal 2004, diikuti siri 00:00:01 untuk 2005 dan 00:00:02 untuk 2006.

Program ini juga berfungsi sebagai wahana pendedahan praktis untuk para pelajar USM mempelajari aspek-aspek pengurusan profesional dalam penganjuran aktiviti seni dan budaya. Selain itu, program ini menjadi pelantar usahasama profesional antara USM dengan individu, perkumpulan, industri dan agensi luar. Antaranya termasuklah ABN AMRO, Dewan Bahasa & Pustaka Pulau Pinang, Muzium & Balai Seni Lukis Pulau Pinang, Muzium Islam Pulau Pinang, Penang Heritage Trust, Alpha Utara Art Gallery, Art Point Gallery, Island Plaza Penang, Yayasan Kesenian Perak, Tanjong Heritage, Vallentine Willie Fine Art, Artspace Gallery, Muzium Negara, Balai Seni Lukis Negara, Galeri Petronas, Pelita Hati House of Art, Goethe Institut, British Council, Alliance Francaise, dan konsulat serta pejabat kedutaan dari pelbagai negara seperti Spain, Holland, United Kingdom, Jepun, Cuba, dan Poland. Program ini telah membuka pintu Muzium & Galeri Tuanku Fauziah kepada beberapa orang pelawat seperti TYT Tun Dato' Seri Utama (Dr) Haji Abdul Rahman Bin Haji Abbas dan Toh Puan, Dato' Sri Utama Dr. Rais Yatim, Pesuruhjaya Tinggi beberapa Kedutaan Asing, dan para cendekiawan serta tokoh-tokoh korporat dari pelbagai negara.

"Demi Masa" telah membawa hasil karya ramai karyawan ternama Malaysia dan antarabangsa ke USM. Antaranya termasuklah Fauzan Omar, Nirmala Duff Shanmughalingam, Ahmad Fuad Osman, Noor Azizan Paiman, Mohd Noor Khalid (Lat), James Sum, Artgroup, Shamsul Bahari, Nelson Dominguez, Richardo Caves, George Baselitz, Sigmar Polke dan para karyawan YBA (Young British Artists) seperti Damien Hirst dan Anish Kapoor. Muzium & Galeri Tuanku Fauziah kini sedang merancang beberapa siri pameran inovatif oleh kurator muda jemputan yang bakal memberi penafsiran dan pembacaan baru terhadap bahan-bahan koleksi USM sendiri. Secara tidak langsung, usaha ini akan menjadikan pelbagai bentuk koleksi USM sentiasa relevan dengan perubahan semasa.

### TABIR MAYA

"Tabir Maya" adalah sebuah program yang menghidangkan karya seni media baru, seni video eksploratif dan filem bebas dari para pengkarya kontemporari tempatan dan antarabangsa. Program ini dilaksanakan bersama dengan Pusat Pengajian Seni dan Dewan Budaya USM. Ia merupakan wahana untuk pendedahan bentuk-bentuk pengucapan seni media bersifat perintis, kreatif dan inovatif. Program ini diselaraskan oleh Tengku Azhari Tengku Azizan.



Para pengkarya yang telah menjayakan program ini termasuklah: Roslisham Ismail, Naguib Razak, Masnoor Ramli, Khairul Azmir Shoib, Kamal Sabran dan Wong Hoy Cheong.

### TIANG SRI

"Tiang Sri" adalah siri bicara karyawan dan saintis yang menjadi teras pengisian intelek di Muzium & Galeri Tuanku Fauziah dan Pusat Pengajian Seni USM. Siri ini diisi dengan beberapa aktiviti syarahan, seminar mini, dialog dan bengkel antara para pelajar dengan penggerak budaya dan pengamal profesional.

Antara pengamal profesional yang pernah dijemput adalah: Nur Hanim Khairuddin, Siti Zainon Ismail, Noor Azizan Paiman, Roslisham Ismail, Juhari Said, Ahmad Fuad Osman, Mohd Noor Khalid (Lat), Wong Hoy Cheong, Rachel Ng, Lee Khai, Rafizah Abdul Rahman, Melissa Wong, Tengku Elina, Sooshie Sulaiman, Rahimie Haron, Hafiz dari Ruang Rupa (Indonesia), Kokolia Valdimir (Rep. Of Cech.), Robert Lawrence (USA), Beatte Reiner (France), Nelson Dominguez (Cuba), Gerard Van de Oetellar (Holland), Buday Ali (the Philliphines), Victoria Cantoni (Australia), Zhuma Yujiang (China) and Chris Funkhauser (USA).

### TITIAN KREATIF & RAKAN MGTF

"Titian Kreatif" dan "Rakan MGTf" adalah beberapa program khas untuk pengunjung dan masyarakat. Ia menawarkan pengalaman memperkaya ilmu pengetahuan sains dan penghayatan seni-budaya serta warisan dalam bentuk yang interaktif, menarik, menyeronok dan menghiburkan. Antaranya termasuklah pakej Astronomi, Kem Bistari Sains-Seni, dan Muzium Masuk Kampung. "Titian Kreatif" juga menyediakan beberapa pakej bengkel dan kursus pendek dalam pelbagai bidang seni seperti lukisan, catan, cetakan dan batik.

Sejak "Titian Kreatif" diperkenalkan, Muzium & Galeri Tuanku Fauziah telah dijemput untuk menganjurkan Program Kem Bistari Sains-Seni di Langkawi dan Ipoh. Ia juga telah dijemput untuk merealisasikan Program "Muzium Masuk Kampung" di Pulau Betong dan Kampung Seronok, Pulau Pinang. Program-program ini didokongi oleh sukarelawan dan beberapa orang pakar jemputan yang berdedikasi. Antaranya ialah Chong Hon Yew, Noor Azam, Lim Hock Heng, Rozana Mohamed, Tetriana Ahmed Fauzi and Suzana Bujal. Muzium & Galeri Tuanku Fauziah juga telah memberi sokongan terhadap acara "Heritage Heboh" yang merupakan hasil program inovatif pendidikan dan penghayatan warisan yang dianjurkan oleh ArtsEd untuk kanak-kanak sekolah di Pulau Pinang.

Para pelajar USM, institusi-institusi luar, pelajar sekolah dan orang awam digalakkan memohon menjadi ahli Rakan "Titian Kreatif" Muzium & Galeri Tuanku Fauziah yang menawarkan pelbagai kelebihan serta faedah dari segi memperkayakan pengalaman ilmu dan pengalaman kreatif.

"Titian Kreatif" dijayakan dengan kerjasama beberapa jabatan dalam USM seperti ArtsEd, Pusat Pengajian Seni, Dewan Budaya, Unit Perhubungan Antarabangsa dan Unit Penyelidikan Ilmu Falak & Sains Atmosfera.



## Di belakang Tabir - Ahli Jawatankuasa

### JAWATANKUASA INDUK

Penaung	:	Yg. Bhg. Prof. Dato' Dzulkifli Abdul Razak Naib Cancellor USM
Penasihat	:	Y. Bhg. Prof. Dato' Muhammad Idris Saleh Timbalan Naib Cancellor USM (Penyelidikan dan Inovasi)
	:	Prof. Madya Dr. Mohamed Najib Ahmad Dawa Dekan, Pusat Pengajian Seni USM
Pengerusi	:	Hasnul Jamal Saidon Pengarah, Muzium & Galeri Tuanku Fauziah USM
Setiausaha	:	Zolkurnian Hassan Kurator, Muzium & Galeri Tuanku Fauziah USM
Ahli-ahli	:	Bendahari USM Pengarah, Jabatan Pembangunan USM Pengarah, Pusat Pengetahuan Komunikasi & Teknologi USM Dekan, Pusat Pengajian Sains Komputer USM Pengarah, Pusat Islam USM Pengarah, Keselamatan USM

### JAWATANKUASA KERJA MAJLIS PEMASYHURAN

Pengerusi	:	Zolkurnian Hassan
Setiausaha	:	Aizuan Azmi
Kewangan	:	Salmiah Che Pufih, Iza Rahayu, Rohayah Sanapi
Protokol, Pengacara, Perhubungan Awam & Publisiti	:	Mohamad Abdullah, Izam Fairus Kamarudin
Pembangunan Fizikal, Baikpulih & Naik-taraf	:	Aziz Che' Jusoh, Omar Bidin Ahli-ahli: Mohd Nizam Mohd Razak, Norazam Ariffin, Sharul Nizam Mohd Noor, Shafee Ibrahim, Azharudin Mukhtaruddin, Mohamad Hj. Ismail, Latiff Ismail, Rusdi Ramli, Mokhrizan Ahmad Jeni

Pembangunan Laman Web

Reka bentuk Grafik

Reka bentuk Laman Arca

Video

Persembahan budaya

Siaraya & Sistem PA

Fotografi

Bantuan Teknikal & Dokumentasi

Sambutan & Cenderamata

Hebahan & Jemputan

Jamuan & Khemah

Bacaan Doa

Billik Sumber

Storan/Pemeliharaan/Pemuliharaan

Kedai Muzium & Ruang Rehat Pengunjung

Muhammad Rafie Hj. Mohd Arshad,  
Zulham Hamdan, Rosnah Idrus

Farizzatul Syahnaz Mohd Mokhter,  
Suzana Bujal, Salim Ibrahim

YM Tengku Azhari Tengku Azizan

PTPM, Nurfarizah Mohd Bakhir

Norhelmi Othman

Norazrina Mohamad, Amin Karim

Zamri Saleh, Husaini Yaacob

Mohd Husni Abdul Latiff

Radhiyah Abu Bakar, Salim Ibrahim

Azizi Yahya, Salmiah Muhamad

Rohayah Sanapi, Faridah Mohd Hashim

Ustad Abdul Ghaffor Hj. Mahmud

Faridah Mohd Hashim

Nordin Ban, Rosli Hamzah, Ravi Vansamy

Rozana Mohamed, Salmiah Muhamad

### JAWATANKUASA KERJA PENERBITAN BUKU & PAMERAN

Pengerusi, Penyunting & Penyelaras

Penyunting Jemputan

Penulis

Reka bentuk Grafik

Fotografi

Perundingan Penerbitan

Perunding Galeri Warisan Tradisional

Pemasangan Pameran

Bantuan Pemasangan

Dokumentasi

Hasnul Jamal Saidon

Masrah Abidin, Rafizah Abdul Rahman

Zakaria Ali

Saiful Abdul Kadir

Zamri Saleh

Mohd Akhbar Salleh

Prof. Tan Sooi Beng

Aizuan Azmi, Yusuf Bakar

Nordin Ban, Rosli Hamzah, Ravi Vansamy

Mohd Husni Abdul Latiff

# Penghargaan

**MGTF USM merakamkan penghargaan kepada individu-individu dan organisasi-organisasi berikut atas kerjasama yang telah diberikan ketika proses penyelidikan tentang koleksi dan sejarahnya:**

Yg. Bhg. Tan Sri Dato' Hanafiah Hussain  
Yg. Bhg. Dato' Ibrahim Hussein  
Yg. Bhg Dato' K.J Ratnam  
Yg. Bhg Dato' Sharom Amat  
Yg. Bhg Dato' Tan Chee Kuan  
Assoc. Prof. Redza Piyadasa  
Prof. T.K Sabapathy  
Dr. Saharudin Hj. Ismail  
Puan Zanita Anuar  
Ahmad Mashadi  
Joyce Fan  
Balai Seni Lukis Negara  
Muzium Seni Asia, Universiti Malaya  
Singapore Art Museum  
NUS Museum, National University of Singapore

**MGTF USM juga merakamkan penghormatan kepada individu-individu berikut atas sumbangan yang telah mereka berikan ketika menjadi ahli jawatankuasa, penasihat, kurator dan kakitangan:**

Almarhum Hamzah Sendut, Lim Huck Tee, Robert Van Neil, Paul Chang, A. Thomas Samy, K.J Ratnam, Benedict Sandin, Stephen Murphy, Sharom Ahmat, Jagjit Singh Sidhu, Amphon Pitanilabut, Mansor Ahmad, Mohd Raza Rashid, Zuraina Majid, Mawan Nooraini Ismail, N.A.Ogle, Fawizah Lucas, Zakaria Ali, Redza Piyadasa, Chew Teng Beng, Lim Eng Hooi, Lim Chee Hong, Robert Crock, Ismail Hashim, Ismail Abdullah, Ghouse Nassuruddin, Gulam Sarwar, Wan Jaafar Wan Ahmad, Anuar Md. Noor, Mohd. Lazim Hamid.

## **Bekas kurator dan kakitangan:**

T.K. Sabapathy, Wan Zakaria Wan Ismail, Adnan Mat, Ayob Ismail, Rosli Jamaludin, Jamaluddin Jaafar.

## **Pemuliharaan:**

Askandar Ungleht

**Sejak penubuhannya, MGTF USM telah berkerjasama dengan beberapa kedutaan, konsulat, individu, organisasi kerajaan, agensi, NGO, muzium, galeri seni dan institusi swasta untuk menjayakan beberapa projek penting. MGTF sangat menghargai sokongan mereka.**

## **Terima kasih yang istimewa buat rakan-rakan aktif di USM:**

Pejabat Naib Canselor, Jabatan Bendahari, Pejabat Perhubungan Awam, Bahagian Hal Ehwal & Pembangunan Pelajar, Bahagian Penyelidikan & Inovasi, Jabatan Pembangunan, Pusat Pengajian Seni, Pejabat Pembangunan Seni & Budaya, Dewan Budaya, Pusat Penyelidikan Arkeologi Malaysia, Pusat Teknologi Pengajaran dan Multimedia, Unit Penyelidikan Ilmu Falak dan Sains Atmosfera, Bahagian Pembangunan Lestari & Korporat, Unit Perhubungan Antarabangsa, Pusat Pengajian Sains Komputer, Jabatan Keselamatan, Pusat Pengetahuan, Komunikasi & Teknologi, Penerbit USM, Perpustakaan Hamzah Sendut dan Pusat Islam.


## **Model-model untuk bahan-bahan promosi MGTF USM:**

Anina Hasnul Jamal, Amira Hasnul Jamal, Adeela Hasnul Jamal, Nureen Ezzah Jasni, Afiq Azry Amlis, Adam Danial Nor Fadzillah, Larkes a/l Ravindran, Mohd Azrin Nordin & Nurul Syazana Husaini.

## **Terima kasih yang istimewa buat rakan-rakan media:**

The Star, News Straits Times, Berita Harian, Utusan Malaysia, Kosmo, Harian Metro, The Sun, Nanyang Siang Pau, Sin Chew Jit Poh, Kwoh Wah Yit Poh, Guang Ming Daily, Berita Kampus RTM, TV3 & NTV 7.

**Buku ini juga ditujukan khas untuk para pengunjung khususnya kanak-kanak tadika dan sekolah, guru-guru dan semua yang telah memberikan sumbangan secara langsung mahupun tidak secara langsung terhadap aktiviti MGTF. Sokongan anda adalah sangat dihargai.**



Arca dinding di anjung depan Muzium & Galeri Tuanku Fauziah menggunakan motif 'Raya' dari koleksi Awang Isa (Kota Bharu). Ia juga dikenali sebagai bunga pecah lapan. Motif yang merujuk kepada zaman kerajaan Langkasuka ini melambangkan bahagian-bahagian pada tubuh manusia seperti dahi, dada, bahu kanan dan kiri, siku kanan dan kiri, kaki kanan dan kiri. Motif ini digunakan sebagai usaha menerapkan unsur seni dan budaya tempatan pada bangunan kolonial Muzium & Galeri Tuanku Fauziah yang bercirikan gaya neo-klasikal.

[ WAKTU LAWATAN ] SELASA – AHAD | 9.00 pg. - 5.00 ptg.

Untuk maklumat tentang tempahan ruang, lawatan, program "Titian Kreatif", penginapan dan makanan dll. perkhidmatan, sila hubungi:

[A] Muzium & Galeri Tuanku Fauziah USM  
11800 Universiti Sains Malaysia | Pulau Pinang  
[T] 604 653 3888 - 2427 / 2137 / 3261 | [F] 604 656 3531  
[E] dir\_muzium@notes.usm.my | [W] <http://www.mgtf.usm.my>



Menjunjung Kasih :  
DYMM Tuanku Tengku Fauziah Binti Almarhum Tengku Abdul Rashid,  
The Third Chancellor of Universiti Sains Malaysia **pg.42-45**

Message from the Vice-Chancellor of Universiti Sains Malaysia **pg.46-49**

History **pg.50-51**

Vision & Mission **pg.52-53**

Roles & Services **pg.54-55**

Research **pg.56-57**

Museum & Gallery In A Garden of Culture **pg.58**

The Logo of Muzium & Galeri Tuanku Fauziah USM **pg.59**

Upgrading of Physical Infrastructure **pg.60-61**

From 'The Tin Mines' to 'The Rays of Sun' –  
The Publication of Selected Works from the USM Fine Art Collection **pg.62-63**


The Development of e-Art Information System **pg.64-65**

Visitors development Programmes **pg.66-67**


Donors and Benefactors of USM Fine Art Collection **pg.68-69**

Behind the Scene - Committee Members **pg.70-71**

Acknowledgement **pg.72-73**



**DYMM Tuanku Tengku Fauziah Binti Almarhum Tengku Abdul Rashid**  
D.K., S.S.P.J., S.P.M.P., D.M.N., D.K (Kelantan)  
Grand Croix De L'Ordre (Royal Sash) – Cambodia  
The Order of The Sacred Treasure, Gold & Silver Star (Japan)  
Hon. PhD (USM)  
**The Third Chancellor of Universiti Sains Malaysia (2002 - 2006)**




# Menjunjung Kasih

